

Penglibatan Aktiviti Kokurikulum dan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

(The Relationship Between Co-Curricular Activity Involvement and Soft Skills of Primary School Students.)

Nor Aishah binti Abu Samah^{1*}, Shahlan Surat², Saemah Rahman³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p105562@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drsaemahrahman@yahoo.com.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nor Aishah binti Abu Samah
(p105562@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Kokurikulum
Kemahiran insaniah
Tahap kemahiran insaniah

KEYWORDS:

Co-curricular
Soft skills
Soft skills level

CITATION:

Nor Aishah Abu Samah, Shahlan Surat, & Saemah Rahman. (2022). Penglibatan Aktiviti Kokurikulum dan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Murid Sekolah Renda. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001451. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1451>

ABSTRAK

Aktiviti kokurikulum di sekolah merupakan salah satu medium untuk membentuk kemenjadian murid yang holistik dari semua aspek. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dan tahap kemahiran insaniah murid di sekolah rendah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara penglibatan aktiviti kokurikulum dengan kemahiran insaniah murid di sekolah rendah. Sampel kajian terdiri daripada 148 murid dari empat buah sekolah di negeri Pahang. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpul data kajian dan dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 25 secara deskriptif. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara penglibatan murid dalam kokurikulum dengan tahap kemahiran insaniah murid di sekolah rendah. Kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kualiti pelaksanaan kokurikulum di sekolah - sekolah.

ABSTRACT

Co-curricular activities are one of the medium to form a holistic student from all aspects. This study is a survey study that aims to identify the level of student involvement in co-curricular activities and the level of soft skills of students in primary schools. This study also aims to identify the relationship between the involvement of so-curricular activities with the soft skills of students in primary schools. The sample consisted of 148 students from four schools in the state of Pahang. Questionnaire instrument was used to collect data and data were analyzed using SPSS version 25 software descriptively. The result of the study shows that there is a positive relationship between student's

involvement in the co-curricular activities with the level of soft skills among primary schools student. It is hoped that this study able to help the improvement of quality in co-curricular implementation in educational institution in schools.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkaitan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dan kemahiran insaniah. Kajian ini menggunakan metodologi yang sama dengan kajian-kajian lepas namun sasaran sampel kajian adalah berbeza kerana kajian lepas menjurus kepada penglibatan aktiviti kokurikulum dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi.

1. Pengenalan

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025, Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat untuk melahirkan murid yang membangun secara holistik dari segi intelek, jasmani, emosi dan juga rohani. Hasrat ini sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu menyediakan pendidikan yang seimbang sebagai asas dalam membentuk kemenjadian murid secara menyeluruh. Hal ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berupaya mengharungi cabaran dalam era globalisasi. Pembangunan diri secara holistik mampu membantu seseorang individu menerajui perubahan dan pembangunan dunia global pada masa kini.

Elemen dalam kemahiran insaniah mengandungi aspek-aspek yang terkandung dalam aspirasi murid. Ini kerana kemahiran insaniah merupakan suatu kemahiran yang mengandungi pelbagai aspek domain dalam pembelajaran di sekolah. Ia merangkumi pembentukan insan dari aspek keperibadian dan juga sosial. Penerapan kemahiran insaniah perlu dilaksanakan secara berterusan dalam membantu perkembangan potensi diri individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Beberapa tinjauan kajian lepas telah menunjukkan kemahiran insaniah dapat dibentuk dengan lebih baik melalui aktiviti kokurikulum. Aktiviti kokurikulum merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan di luar bilik darjah dan tidak mempunyai kaitan dengan bidang akademik. Namun, aktiviti kokurikulum mampu membantu melengkapkan kelompongan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. [Md. Roknuzzaman \(2020\)](#) menyatakan aktiviti kokurikulum penting dalam membina fizikal, mental, moral, intelektual, tingkah laku dan sivik murid..

Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dapat membantu mereka membina kemahiran insaniah dalam diri dengan lebih baik. Ini kerana kemahiran insaniah boleh dipertingkatkan melalui penglibatan mahasiswa dalam aktiviti badan beruniform ([Saqina & Noremy, 2020](#)). Melalui aktiviti kokurikulum, pelajar dapat mengembangkan minat dan kemahiran insaniah mereka dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi dunia yang penuh dengan cabaran ([Nur Munirah & Mohamad Shukri, 2020](#)). Penglibatan murid dalam aktiviti di luar bilik darjah merupakan salah satu landasan untuk menerapkan kemahiran insaniah dalam diri mereka.

Secara kesimpulannya, kemahiran insaniah merupakan salah satu kemahiran yang wajar dikuasai oleh murid-murid di sekolah rendah. Sekolah rendah boleh dijadikan sebagai titik permulaan kepada penerapan kemahiran insaniah melalui aktiviti di luar

bilik darjah dan kemahiran insaniah juga boleh terus dipupuk dan dikukuhkan di peringkat sekolah menengah dan institusi pendidikan tinggi. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dengan pembentukan kemahiran insaniah mereka. Ini kerana bukti dapatan kajian lepas lebih memfokuskan kepada sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi sedangkan sekolah rendah juga melaksanakan aktiviti kokurikulum. Bukan itu sahaja, matlamat aktiviti kokurikulum di sekolah rendah tidak mempunyai banyak perbezaan dengan matlamat aktiviti kokurikulum di sekolah menengah. Namun tiada kajian yang membuktikan bahawa kemahiran insaniah juga boleh dibentuk sejak di sekolah rendah melalui aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan.

2. Sorotan Literatur

2.1. Penglibatan Aktiviti Kokurikulum

Aktiviti kokurikulum melibatkan aktiviti yang dapat melengkap pendidikan akademik dalam sistem pendidikan negara. Perancangan aktiviti kokurikulum dilaksanakan bagi menyokong pelajar untuk memperoleh kefahaman yang lebih baik terhadap perkara yang dipelajari dan ia membantu perkembangan kemahiran mereka (Md. Roknuzzam Siddiky, 2020). Kokurikulum juga merupakan satu siri aktiviti yang mempunyai kaitan dengan pelaksanaan program di sekolah yang dapat membentuk perkembangan murid di luar bilik darjah. Menurut Norazila et al. (2017) kokurikulum juga merupakan aktiviti pendidikan yang menekankan aspek-aspek tersembunyi dalam diri individu seperti nilai, bakat, peranan dan juga kepimpinan. Aktiviti kokurikulum juga membantu perkembangan sahsiah diri, bakat, minat dan rohani pelajar.

Menurut Nur Munirah dan Mohamad Shukri (2020) melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, pelajar dapat mengembangkan potensi diri dan minat mereka dengan lebih baik. Mereka berkemampuan untuk mengembangkan kecekapan dan kemahiran insaniah dalam mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi dunia global yang penuh cabaran. Menurut Sandra dan Anuar (2016), aktiviti kokurikulum dapat meningkatkan interaksi antara pelajar dan meningkatkan integrasi antara satu kaum dengan kaum yang lain serta menerapkan aspek kesopanan dan berintegriti dalam proses kementerian diri yang menyeluruh dan seimbang dari segala aspek dalam kehidupan.

2.2. Kemahiran Insaniah

Kemahiran insaniah merupakan kemahiran tertentu yang perlu dimiliki oleh seseorang dan ianya boleh berkembang melalui beberapa proses seperti tumbesaran, kematangan dan juga penuaan (Norazila et al., 2017). Ia juga melibatkan kemahiran kognitif yang berkaitan dengan keupayaan seseorang individu memberi sumbangan secara berkesan kepada orang lain dan persekitarannya. Selain itu, kemahiran insaniah juga merupakan kemahiran umum yang mampu membantu seseorang individu meningkatkan keberkesanan bekerja, menyelesaikan masalah dengan baik dan bekerjasama dalam pasukan (Mohd Hasimi et al., 2017).

Menurut Fatahiyah et al. (2018) kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang amat diperlukan oleh pelajar untuk cemerlang dalam pelbagai aspek kehidupan. Hal ini sejajar dengan pendapat Norazila et al. (2017) iaitu kemahiran insaniah juga membantu individu membentuk personaliti yang cemerlang dalam hidup. Kemahiran insaniah sering digunakan dalam kehidupan seharian tetapi lazimnya individu itu tidak akan

menyedari bahawa dirinya telah mengamalkan dan menerapkan kemahiran tersebut di dalam kehidupan mereka.

Untuk membentuk elemen-elemen kemahiran insaniah dalam diri, pelajar perlu mengetahui elemen yang menjadi asas dalam kemahiran insaniah terlebih dahulu agar pelajar dapat menyediakan diri mereka untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi diri mereka (Irwan Fariza et al., 2018). Kemahiran insaniah mahasiswa boleh ditingkatkan melalui penglibatan dalam aktiviti badan beruniform serta aktiviti-aktiviti kesukarelawan (Saqina & Noremy, 2020). Secara amnya, kemahiran insaniah boleh ditafsirkan sebagai salah satu set kemahiran untuk membangunkan modal insan secara seimbang dan harmoni dengan berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta berasaskan pegangan teguh terhadap prinsip-prinsip dalam Rukun Negara.

3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan dan matlamat kajian dinyatakan secara deskriptif. Populasi kajian terdiri dari kalangan murid sekolah rendah di Pahang. Sampel kajian terdiri daripada murid dari empat buah sekolah yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Pemilihan sampel kajian pula adalah berdasarkan persampelan berkelompok. Sampel yang dipilih merupakan murid tahun lima dan enam yang wajib mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah bagi sekolah-sekolah yang telah terpilih. Jadual Penentuan Saiz Sampel digunakan untuk menentukan bilangan responden berdasarkan bilangan populasi. Jumlah populasi kajian ialah seramai 250 orang oleh itu saiz responden ialah ($N=250, S=148$).

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Terdapat tiga bahagian dalam borang soal selidik. Bahagian A merupakan bahagian yang bertujuan untuk mengetahui latar belakang responden kajian. Bahagian B merupakan penilaian sendiri responden terhadap kemahiran insaniah dalam diri mereka dan bahagian C pula untuk melihat penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Kesemua bahagian dalam soal selidik ini adalah berpandukan kepada hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Falsafah Pendidikan Negara. Kajian rintis dilaksanakan bagi mengenalpasti kelemahan yang terdapat dalam instrumen kajian. Kajian rintis ini melibatkan seramai 32 orang murid. Pengkaji menggunakan ujian Alpha Cronbach untuk menilai indeks kebolehpercayaan dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Berdasarkan ujian yang telah dilaksanakan nilai Cronbach Alpha bagi soal selidik bahagian B iaitu penilaian sendiri kemahiran insaniah adalah 0.82. Manakala nilai Cronbach Alpha bagi soal selidik bahagian C iaitu penglibatan kokurikulum adalah 0.90. Nilai Cronbach Alpha bagi item yang terkandung dalam soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik dan sesuai untuk digunakan dalam kajian penyelidikan.

Untuk menganalisis data kajian, perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) akan digunakan. Data akan dianalisis data secara deskriptif iaitu melibatkan kekerapan, min, sisihan piawai dan peratus. Analisis deskriptif dilaksanakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama dan persoalan kajian yang kedua. Bagi menjawab persoalan kajian ketiga pula pengkaji menggunakan Ujian Kolerasi *Zero Order* Pearson. Ujian Kolerasi dilaksanakan untuk menguji hubungan antara penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dengan kemahiran insaniah murid sekolah rendah. Melalui interpretasi nilai pekali, tahap kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji dapat dinilai dengan lebih tepat.

4. Hasil Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 148 responden yang terdiri daripada murid tahap dua di sekolah rendah. Seramai 77 orang responden lelaki dan 71 orang responden perempuan terlibat sebagai sampel kajian. Sampel kajian yang dipilih untuk menjawab soal selidik adalah murid tahun 5 yang berusia 11 tahun dan murid tahun 6 yang berusia 12 tahun. Peratusan umur responden bagi kajian ini adalah sama iaitu 50 peratus. Rasional pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan penyertaan wajib mereka dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Dari segi jawatan kepimpinan di sekolah pula, 23 peratus responden terdiri daripada pengawas sekolah. Sebanyak 21.6 peratus responden merupakan pengawas pusat sumber. Manakala 54 peratus responden kajian terdiri daripada ketua kelas dan penolong ketua kelas. Sebanyak 55.4 peratus responden merupakan murid biasa.

Dari segi latar belakang kepimpinan bagi aktiviti kokurikulum pula, sebanyak 2.7 peratus pernah menyandang tiga dan lebih jawatan dalam jawatan kuasa badan beruniform dan kelab persatuan. Bagi aktiviti sukan dan permainan pula, sebanyak 2.0 peratus pernah menyandang tiga dan lebih jawatan dalam jawatankuasa. Dapatan kajian menunjukkan 16.2 peratus responden pernah menyandang satu atau dua jawatan dalam jawatankuasa badan beruniform, 43.2 peratus dalam aktiviti kelab dan persatuan serta 33.8 peratus dalam aktiviti sukan dan permainan. Seterusnya, sebanyak 81.1 peratus responden tidak pernah menyandang jawatan dalam jawatankuasa badan beruniform, 54.1 peratus bagi aktiviti kelab dan persatuan serta 64.2 peratus bagi aktiviti sukan dan permainan.

4.1. Penglibatan Aktiviti Kokurikulum

Dapatan kajian menunjukkan min tertinggi bagi penglibatan responden dalam badan beruniform adalah penyertaan di peringkat negeri. Ini kerana unit badan beruniform kerap menganjurkan aktiviti di peringkat negeri agar dapat membantu meningkatkan markah penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum. Ini kerana setiap penyertaan murid dalam kokurikulum akan dicatatkan dalam aplikasi Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan Kokurikulum (PAJSK). Manakala catatan nilai min kedua tertinggi adalah 4.18 iaitu perjumpaan di peringkat sekolah. Min terendah bagi penglibatan responden dalam aktiviti kokurikulum adalah penglibatan di peringkat kebangsaan iaitu 1.05.

Dapatan kajian bagi penglibatan aktiviti kokurikulum bagi kelab dan persatuan pula mencatatkan nilai min tertinggi ialah 4.18 iaitu aktiviti perjumpaan di sekolah. Manakala nilai min kedua tertinggi adalah 2.38 iaitu penglibatan dalam pertandingan di peringkat sekolah. Manakala di peringkat zon pula, nilai min penglibatan adalah 1.41. Ini kerana sebanyak 51 peratus sangat jarang menyertai aktiviti dan sebanyak 5 peratus jarang menyertai aktiviti di peringkat zon. Ini menunjukkan peluang murid untuk menyertai pertandingan di peringkat yang lebih tinggi agak terhad dan tidak meluas.

Dapatan kajian penglibatan aktiviti kokurikulum bagi aktiviti sukan dan permainan pula menunjukkan nilai min tertinggi adalah 4.10 iaitu perjumpaan bulanan di sekolah. Seterusnya nilai min kedua tertinggi adalah penglibatan murid dalam pertandingan yang dianjurkan oleh pihak sekolah iaitu 3.10. Aktiviti pertandingan yang dianjurkan di peringkat sekolah merangkumi semua acara dalam sukan tahunan sekolah, sukaneka dan larian merentas desa. Ketiga-tiga aktiviti ini merupakan acara wajib yang perlu

dianjurkan oleh pihak sekolah untuk memastikan semua murid terlibat dalam aktiviti sukan.

Nilai min keseluruhan yang dicatatkan menunjukkan aktiviti badan beruniform mencatatkan nilai min 2.53. Nilai min yang dicatatkan ini menunjukkan min bagi aktiviti badan beruniform berada pada tahap sederhana. Nilai min kedua tertinggi adalah aktiviti sukan dan permainan iaitu 2.13. Manakala bagi aktiviti kelab dan persatuan pula mencatatkan nilai min 1.85. Kedua-dua nilai min bagi aktiviti kelab dan persatuan serta sukan dan permainan berada pada tahap yang rendah.

4.2. Tahap Kemahiran Insaniah

Dapatan kajian berkaitan tahap kemahiran insaniah menunjukkan elemen kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi serta etika dan moral berada pada tahap yang tinggi. Nilai min etika dan moral menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.21 manakala nilai min bagi kemahiran komunikasi adalah 3.69. Elemen kemahiran insaniah bagi kemahiran kerja berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran kepimpinan berada pada tahap sederhana. Nilai min bagi kemahiran kerja berpasukan adalah 3.63. Kemahiran kepimpinan pula menunjukkan nilai min 3.51. Manakala kemahiran menyelesaikan masalah mencatatkan nilai min yang paling rendah dalam kemahiran insaniah iaitu 3.44.

4.3. Hubungan Antara Penglibatan Aktiviti Kokurikulum dengan Kemahiran Insaniah

Analisis kolerasi telah dilaksanakan untuk melihat hubungan antara penglibatan kokurikulum dengan kemahiran insaniah. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara penglibatan dalam kokurikulum bagi aktiviti badan beruniform dengan kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan. Manakala terdapat hubungan yang sederhana antara penglibatan dalam kokurikulum bagi aktiviti badan beruniform dengan kemahiran berkomunikasi. Hubungan antara penglibatan dalam kokurikulum bagi aktiviti badan beruniform dengan elemen etika dan moral pula adalah lemah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sangat lemah antara penglibatan dalam kokurikulum bagi aktiviti badan beruniform dengan kemahiran menyelesaikan masalah.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara penglibatan dalam kokurikulum bagi aktiviti kelab dan persatuan dengan kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan. Penglibatan kokurikulum bagi aktiviti kelab dan persatuan dengan etika dan moral serta kemahiran komunikasi pula menunjukkan hubungan yang lemah. Manakala terdapat hubungan yang sangat lemah bagi penglibatan kokurikulum aktiviti kelab dan persatuan dengan kemahiran menyelesaikan masalah.

Berdasarkan nilai pekali kolerasi, terdapat hubungan yang sangat lemah antara penglibatan kokurikulum sukan dan permainan dengan kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah. Nilai pekali kolerasi turut menunjukkan bahawa terdapat hubungan sederhana kuat antara penglibatan kokurikulum sukan dan permainan dengan elemen etika dan moral. Namun begitu, terdapat hubungan yang kuat antara penglibatan kokurikulum sukan dan permainan dengan kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan.

5. Perbincangan Kajian

5.1. Penglibatan Aktiviti Kokurikulum

Berdasarkan dapatan kajian, tahap penglibatan kokurikulum bagi badan beruniform berada pada tahap sederhana manakala tahap penglibatan kokurikulum bagi kelab dan persatuan serta sukan dan permainan berada pada tahap yang rendah. Hal ini dipengaruhi oleh situasi semasa negara yang dilanda pandemik Covid-19 sejak awal tahun 2020. Pada pertengahan bulan Mac tahun 2020, kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan pandemik Covid-19. Pelaksanaan PKP telah memberi impak terhadap sistem pendidikan negara kerana guru dan murid tidak boleh hadir ke sekolah. Walaupun sistem pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah diperkenalkan sebagai salah satu alternatif untuk memastikan sistem pendidikan tidak terus tergendala namun pelaksanaannya dalam bidang kokurikulum adalah amat terhad. Pelaksanaan PdPR telah dilaksanakan selama tiga peringkat kerana kes penularan wabak yang tidak menentu. Siri pertama PdPR di negeri Pahang PdPR bermula pada bulan Mac sehingga Julai 2020, siri kedua pula bermula pada bulan November 2020 sehingga bulan Mac 2021 dan siri ketiga PdPR bermula bulan Mei sehingga Oktober 2021. Tempoh pelaksanaan PdPR yang agak lama menyebabkan peluang pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum secara bersemuka adalah terhad dan penganjuran secara atas talian pula adalah amat terhad.

Berdasarkan dapatan kajian min aktiviti kokurikulum badan beruniform mencatatkan penglibatan tertinggi di peringkat negeri kerana badan beruniform seperti Pengakap, Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) dan Pandu Puteri Tunas kerap menganjurkan aktiviti di peringkat negeri secara atas talian sepanjang tempoh PdPR dilaksanakan. Manakala min tertinggi dicatatkan dalam aktiviti kelab dan persatuan serta sukan dan permainan adalah penglibatan murid di peringkat sekolah. Ini kerana pihak sekolah menganjurkan pelbagai pertandingan dan projek untuk disertai oleh murid agar mereka terus aktif dalam aktiviti kokurikulum walaupun berada di rumah. Namun begitu, penglibatan murid dalam penganjuran tidak dipaksa agar ianya tidak membebankan ibu bapa dan penjaga murid.

Menurut [Sheila dan Abdul Said \(2019\)](#) murid akan lebih bermotivasi untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kokurikulum yang berupaya menarik minat mereka. Faktor persekitaran akan memberi pengaruh kepada penglibatan murid dalam kokurikulum. Faktor persekitaran mempengaruhi latar belakang, status akademik murid dan persepsi mereka terhadap aktiviti kokurikulum. Bukan itu sahaja, pengaruh persekitaran turut merangkumi sokongan daripada ibu bapa, ahli keluarga, guru dan juga rakan sebaya. Prinsip ketiga pula adalah penglibatan merupakan gabungan antara psikoanalisis dan teori pembelajaran klasik. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah lebih bersifat tradisional dan hanya dilaksanakan untuk memenuhi arahan pentadbir sahaja. Ia juga kurang memenuhi keperluan masa kini. Hal ini menyebabkan matlamat aktiviti kokurikulum tidak dapat dicapai dengan baik. Berdasarkan kajian [Zainal Ariffin et al. \(2016\)](#) sesi pembelajaran tidak wajar tertumpu di dalam kelas sahaja kerana masih banyak perkara yang boleh dipelajari di luar kelas.

Penglibatan murid yang perlulah adil dalam semua aktiviti. Ini bermakna tiada murid yang tercicir dalam penglibatan kokurikulum. Hal ini selaras dengan Dasar Satu Murid Satu Sukan yang diperkenalkan pada tahun 2011. Dasar ini dilaksanakan untuk

menggalakkan penglibatan aktif murid dalam bidang sukan. Aktiviti sukan merupakan asas kepada perkembangan intelek, jasmani dan emosi murid. Prinsip teori ini juga seiring dengan matlamat aspirasi sistem pendidikan Malaysia yang terkandung dalam PPPM 2013 - 2025 yang menekankan semua setiap kanak-kanak berhak memperoleh peluang pendidikan yang sama rata demi mencapai potensi diri mereka. Prinsip kelima adalah memberi panduan yang berguna kepada murid. Dalam hal ini, guru perlu memainkan peranan yang penting dalam memberi bimbingan dan ilmu pengetahuan berkaitan aktiviti kokurikulum yang dikendalikan kepada murid-murid. Keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum bergantung kepada kompetensi guru yang menguruskan aktiviti tersebut (Sheila & Abdul Said (2019)). Secara ringkasnya, teori ini menekankan bahawa penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum perlu dilaksanakan dengan sebaiknya kerana ia merupakan satu kaedah yang terbaik dalam membina kemahiran generik dalam kalangan murid. Hal ini selaras dengan pendapat Zainal Ariffin et al. (2016) yang menyatakan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum mempunyai hubungan yang kuat dengan pembangunan diri mereka. Oleh itu, warga pendidik yang bertindak sebagai agen pelaksana perlu membuat perancangan yang teliti dan menganjurkan aktiviti kokurikulum yang mampu menarik minat murid untuk melibatkan diri dengan aktif.

Memandangkan situasi pandemik Covid-19 merupakan isu baharu dan menyebabkan berlakunya transformasi dalam sistem pendidikan secara mendadak maka kebanyakan warga pendidik belum berupaya menyesuaikan diri dengan pelaksanaan dalam dunia pendidikan yang sentiasa berubah dari masa ke masa. Namun begitu, sekiranya pihak pentadbiran sekolah mengambil langkah proaktif dan membuat perancangan yang teliti serta melaksanakan aktiviti kokurikulum sesuai dengan situasi semasa yang berlaku dalam pendidikan negara maka tidak mustahil sekiranya tahap penglibatan murid dalam bidang kokurikulum dapat dipertingkatkan dan berada pada tahap yang tinggi walaupun berhadapan dengan kekangan pandemik Covid-19.

5.2. Tahap Kemahiran Insaniah

Dapatan kajian menunjukkan elemen kemahiran komunikasi berada pada tahap yang tinggi. Tahap kemahiran komunikasi yang tinggi menunjukkan bahawa sebahagian besar responden kajian berupaya menyampaikan idea mereka dengan jelas, berkesan dan berkeyakinan sama ada secara lisan atau bertulis. Mereka juga berupaya menjadi pendengar aktif dan memberi maklum balas yang sesuai dengan situasi yang berlaku di sekeliling mereka. Selain itu, mereka juga berupaya mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk berhadapan khalayak ramai. Elemen kemahiran komunikasi boleh ditingkatkan melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum (Norazila et al., 2017). Kenyataan ini selaras dengan dapatan kajian bagi kajian ini. Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum membantu meningkatkan kemahiran komunikasi murid.

Tahap elemen etika dan moral yang tinggi menunjukkan hampir semua responden kajian mempunyai keupayaan untuk mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka dan dapat bertindak dengan rasional kerana mereka mengetahui akibat daripada setiap perlakuan yang mereka lakukan. Mereka juga mempunyai rasa tanggungjawab terhadap diri sendiri, masyarakat dan negara. Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Norazila et al. (2017) menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara penglibatan kokurikulum dengan pembentukan etika dan moral. Ini kerana aktiviti kokurikulum terutamanya dalam badan beruniform berupaya membentuk murid untuk menjadi insan yang berdisiplin. Hal ini kerana semua badan

beruniform yang ditubuhkan di sekolah telah menetapkan garis panduan dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua ahli. Bukan itu sahaja, semua aktiviti yang didedahkan kepada murid merangkumi aspek kemahiran secara teori dan pratikal.

Elemen kemahiran kerja berpasukan berada pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian sebahagian responden kajian mempunyai keupayaan untuk membina hubungan baik dengan orang lain dan boleh bekerja bersama-sama mereka untuk mencapai suatu matlamat yang sama. Mereka juga boleh menghormati sikap dan kepercayaan orang lain. Hal ini selaras dengan dapatan kajian [Quah et al. \(2018\)](#) iaitu penglibatan dalam aktiviti kokurikulum berupaya memupuk kemahiran kerja berpasukan yang tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui aktiviti sukan berpasukan kerana ia melibatkan kerjasama antara rakan sepasukan.

Kemahiran kepimpinan juga berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden kajian mengetahui peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh ketua. Hal ini menunjukkan mereka berupaya untuk memimpin orang lain dan boleh menerima pandangan serta kritikan yang membina untuk menambahbaik sikap dan tingkah laku mereka. Penglibatan kegiatan kokurikulum merupakan salah satu kaedah terbaik untuk memberi latihan awal kepada pelajar dalam membentuk kemahiran kepimpinan mereka ([Norazila et al. 2017](#)). Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian yang dilaksanakan ini. Aktiviti kokurikulum terutamanya dalam unit badan beruniform menekankan disiplin yang tinggi dan memerlukan murid untuk menonjolkan kemahiran kepimpinan mereka. Secara tidak langsung, murid akan lebih berkeyakinan untuk menjadi seorang pemimpin kecil dan berupaya mengasah kemahiran tersebut dengan lebih baik apabila diberi lantikan jawatan dalam sesuatu organisasi kokurikulum yang disertai.

Kemahiran menyelesaikan masalah juga berada pada tahap yang sederhana. Hal ini menunjukkan sebahagian daripada responden kajian mempunyai keupayaan untuk mengenalpasti masalah yang sedang berlaku dan berupaya membuat keputusan secara rasional untuk menyelesaikan masalah tersebut. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh [Irwan Fariza et al. \(2020\)](#) iaitu penglibatan murid dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam membuat interpretasi, mengenalpasti maklumat yang berkaitan, membuat formulasi, menganalisis sumber dan membuat penilaian untuk menyelesaikan masalah yang terjadi. Bukan itu sahaja, kajian yang dijalankan oleh [Quah et al. \(2018\)](#) menunjukkan bahawa kemahiran menyelesaikan masalah boleh dipupuk dalam diri murid melalui aktiviti sukan. Ini kerana dalam kebanyakan aktiviti sukan murid perlu memikirkan strategi yang terbaik untuk memperoleh kemenangan.

5.3. Hubungan Antara Penglibatan Aktiviti Kokurikulum dengan Kemahiran Insaniah

Berdasarkan dapatan kajian melalui analisis pekali kolerasi *zero order* Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara penglibatan aktiviti kokurikulum dengan kemahiran insaniah. Nilai pekali *r* bagi penglibatan kokurikulum dalam bidang badan beruniform dengan kemahiran insaniah dalam aspek kepimpinan adalah 0.83. Nilai pekali bagi aktiviti badan beruniform dengan kemahiran kerja berpasukan pula adalah sebanyak 0.79. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara penglibatan dalam kokurikulum bagi aktiviti badan beruniform dengan kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan. Bagi penglibatan aktiviti kokurikulum dalam

bidang kelab dan persatuan dengan kemahiran insaniah dari aspek kepimpinan pula menunjukkan pekali nilai r adalah 0.86. Nilai pekali bagi aktiviti kelab dan persatuan dengan kemahiran kerja berpasukan pula adalah 0.80. Dapatan ini menunjukkan penglibatan murid dalam aktiviti kelab dan persatuan juga mempunyai hubungan positif yang kuat dalam membentuk aspek kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan murid sekolah rendah. Nilai pekali r bagi aktiviti kokurikulum sukan dan permainan dengan kemahiran kepimpinan adalah 0.77. Manakala nilai pekali bagi penglibatan sukan dan permainan dengan kemahiran kerja berpasukan adalah 0.71. Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara penglibatan kokurikulum dalam bidang sukan dan permainan dengan kemahiran insaniah dari aspek kemahiran insaniah dan kemahiran kerja berpasukan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan yang aktif dalam aktiviti kokurikulum berupaya meningkatkan penguasaan kemahiran insaniah murid secara tidak langsung. Antara kemahiran insaniah yang boleh dibentuk melalui penglibatan yang aktif dan berterusan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah adalah kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kepimpinan serta etika dan moral. Hal ini selaras dengan dapatan kajian [Norazila et al. \(2017\)](#) yang membuktikan bahawa penglibatan aktif dalam kokurikulum berupaya membentuk kemahiran insaniah murid dengan berkesan.

Walaupun terdapat hubungan yang positif antara penglibatan aktiviti kokurikulum dengan elemen-elemen dalam kemahiran insaniah namun dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan antara penglibatan kokurikulum badan beruniform dengan kemahiran komunikasi berada pada tahap sederhana. Manakala hubungan antara penglibatan kokurikulum kelab dan persatuan serta sukan dan permainan dengan kemahiran komunikasi adalah lemah.

Terdapat hubungan positif yang kuat antara penglibatan kokurikulum badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan dengan kemahiran kerja berpasukan. Dapatan kajian turut menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara penglibatan kokurikulum badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan dengan kemahiran kepimpinan. Namun begitu, penglibatan kokurikulum badan beruniform serta kelab dan persatuan dengan kemahiran menyelesaikan masalah pula menunjukkan hubungan positif yang sangat lemah. Manakala hubungan antara penglibatan kokurikulum sukan dan permainan dengan kemahiran menyelesaikan masalah pula adalah lemah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang lemah antara penglibatan kokurikulum badan beruniform serta kelab dan persatuan dengan elemen etika dan moral. Manakala hubungan antara penglibatan kokurikulum sukan dan permainan dengan kemahiran etika dan moral pula adalah sederhana.

Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh [Norazila et al. \(2017\)](#) yang menunjukkan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dapat menerapkan elemen-elemen kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum, institusi pendidikan berupaya melahirkan modal insan yang seimbang dan holistik. Hal ini disokong dengan dapatan kajian [Saqinah dan Noremy \(2020\)](#) iaitu kemahiran insaniah boleh dipertingkatkan melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Penglibatan dalam kokurikulum berupaya memberi nilai tambah terhadap kemahiran yang tidak dipelajari oleh murid semasa menjalani pembelajaran dalam bidang akademik.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penglibatan kokurikulum dengan kemahiran insaniah dalam diri murid. Semakin aktif penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum semakin tinggi tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam diri mereka.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan bagi kajian ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum berada pada tahap sederhana bagi aktiviti badan beruniform dan rendah bagi aktiviti kelab persatuan dan sukan permainan. Manakala bagi kemahiran insaniah pula berada pada tahap yang tinggi untuk kemahiran komunikasi serta etika dan moral. Manakala kemahiran kerja berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran kepimpinan berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji.

Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian-kajian lepas iaitu aktiviti kokurikulum dapat meningkatkan penguasaan kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Secara tidak langsung, pengkaji telah berjaya memenuhi jurang yang terdapat dalam kajian-kajian lepas. Oleh itu, penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan murid sekolah rendah perlu dipertingkatkan melalui pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan dan perlu mempunyai kesinambungan antara setiap aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan agar tahap kemahiran insaniah murid dapat dipupuk dengan lebih berkesan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Komitmen dan kerjasama yang diberikan terutamanya dari pihak pentadbir sekolah-sekolah yang terlibat dan responden kajian amat membantu kelancaran proses penulisan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Fatahiyah Elias, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Mizatul Suraya Muhammad Nor. (2018). Elemen Kemahiran Insaniah dalam Pendekatan Berpusatkan Pelajar Pengajaran Akidah Sekolah Rendah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2), 113-122.
- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang, & Abd Razaq Ahmad. (2020). Keterlibatan Pelajar dan Hubungannya dengan Kemahiran Insaniah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45 (1), 68-74. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01SI-09>.
- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang, & Abd Razaq Ahmad. (2018). Sokongan Persekitaran Sosial di Pelbagai Jenis Sekolah Menengah dalam Meningkatkan `Kemahiran Insaniah Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 67-76.
- Md. Roknuzzaman Siddiky. (2020). Examining The Linkage Between Student's Participation In Co-curricular Activities And their Soft Skill Development. *Journal of Education Sciences*, 4(3), 511-528.
- Mohd Hasimi Yaacon, Mohd Helmi Ali & Nurhidayah Abd Wahab. (2017). Hubungan Penggunaan Bahasa Inggeris dengan Tahap Keberkesanan Kemahiran Insaniah Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20, 67-77.
- Norazila Mat, Muhammad Syafiq Noordin, Nur Atiqah Abdullah, Nazri Muslim & Jamsari Alias. (2017). Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar melalui Badan Beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20, 33 - 46.
- Nur Munirah Roslan & Mohamad Shukri Abdul Hamid. (2020). The Effectiveness of Co-curricular Activities By Integrated Living Skills Unit In Enhancing Student's Soft Skills. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 162-172.
- Quah W.B., Aziah Thalaha, Azhan Zaki Silim & Hj Abd Latif Ahmad. (2018). Penerapan Kemahiran Insaniah Menerusi Sukan Petanque Dalam Kalangan Pemain Di IPTA dan IPTS. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 7(2), 12-21.
- Sandra Anak Mancha & Anuar Ahmad. (2016). Co-Curricular Activities and It's Effect On Social Skills. *International Conference on Education and Regional Development*. https://www.academia.edu/33777339/CO_CURRICULAR_ACTIVITIES_AND_ITS_EFFECT_ON_SOCIAL_SKILLS.
- Saqina Ab Karim & Noremy Md Akhir. (2020). Keyakinan diri dan Kemahiran Insaniah Mahasiswa Melalui Penglibatan Aktiviti Kesukarelawanan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-15.
- Sheila Michael & Abdul Said Ambotang. (2019). Hubungan Pengurusan Kokurikulum dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(7), 202 - 207.
- Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud & Saiful Azmi Mohd Nor. (2016). Pengurusan Kokurikulum dan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Terengganu. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 891-900.